



FAQ

AKKP (Pindaan) 2022

dan

AKJ (Pemansuhan) 2022

Kandungan

RUU Pemansuhan AKJ.....	1
RUU Pindaan AKKP.....	2
Bahagian I: Tajuk ringkas dan pemakaian	2
Bahagian II: Pelantikan Pegawai, Badan Pemeriksaan Bebas Dan Orang Berlesen.....	4
Bahagian III: Majlis Negara Bagi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan.....	4
Bahagian IV: Kewajipan Am Majikan, Orang Yang Bekerja Sendiri Dan Prinsipal.....	5
Bahagian V: Kewajipan Am Pereka bentuk, Pengilang Dan Pembekal.....	6
Bahagian VI: Kewajipan Am Dan Hak Pekerja.....	6
Bahagian VIA: Pemberitahuan Menduduki Tempat Kerja, Pemasangan Dan Pemeriksaan Loji, dsb.	7
Bahagian VII: Organisasi Keselamatan Dan Kesihatan.....	7

AKJ (Pemansuhan) 2022

1. Apabila Akta Kilang dan Jentera 1967 [Akta 139] dimansuhkan, adakah sebarang pendaftaran, perakuan kelayakan, atau skim pemeriksaan khas yang dikeluarkan di bawah Akta ini masih berkuatkuasa?

Ya, secara amnya masih terus berkuatkuasa dan tindakan selanjutnya akan diterangkan dalam perundangan subsidiari yang baharu.

2. Apabila Akta Kilang dan Jentera 1967 [Akta 139] dimansuhkan, adakah sebarang notis yang dikeluarkan di bawah Akta ini masih berkuatkuasa?

Ya, notis yang dikeluarkan di bawah Akta 139 masih sah dan perlu dibuat pembatalan mengikut peruntukan di bawah Akta 139.

3. Sekiranya terdapat permohonan, contohnya permohonan Jurutera Stim di bawah subseksyen 29(2), permohonan kebenaran bertulis untuk mengoperasikan kilang subseksyen 34(2), permohonan pemeriksaan berkala di bawah seksyen 40 yang dibuat sebelum Akta 139 dimansuhkan, adakah permohonan baharu perlu dibuat semula?

Permohonan semula tidak perlu dibuat. Jabatan akan memproses permohonan tersebut mengikut keperluan di bawah Akta 139.

4. Apa akan berlaku kepada tindakan kompaun atau pendakwaan atau penyiasatan yang belum selesai di bawah Akta 139?

Tindakan kompaun atau pendakwaan atau penyiasatan akan diteruskan mengikut peruntukan di bawah Akta 139.

AKKP (Pindaan) 2022

Bahagian I: Tajuk ringkas dan pemakaian

1. Adakah AKKP (Pindaan) 2022 ini melibatkan pindaan sepenuhnya Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 [Akta 514]?

Tidak. RUU ini merupakan pindaan sebahagian daripada peruntukan Akta 514 sedia ada, penambahan peruntukan baharu dan memasukkan sebahagian peruntukan daripada Akta 139 yang relevan.

2. Bilakah AKKP (Pindaan) 2022 ini akan berkuatkuasa?

AKKP (Pindaan) 2022 ini akan mula berkuat kuasa serentak dengan AKJ (Pemansuhan) 2022. Tarikh kuatkuasa akan ditetapkan oleh Menteri melalui pengisytiharan Warta.

3. Adakah aktiviti-aktiviti perusahaan yang dijalankan rumah, atau dalam kawasan kediaman seperti di tepi rumah dan belakang rumah termasuk sebagai pekhidmat domestik? Contoh: Perusahaan batik yang dibuat di bawah rumah dan perusahaan menghasilkan serunding berhampiran rumah.

Perusahaan yang dijalankan dirumah **tidak** termasuk sebagai “pekhidmat domestik”. Oleh itu, majikan dan pekerja bagi aktiviti perusahaan ini adalah tertakluk kepada peruntukan Akta 514.

4. Bagaimana dengan pekerja yang bekerja dari rumah (WFH), adakah rumah termasuk sebagai tempat kerja?

Tafsiran “tempat kerja” ertinya premis tempat orang-orang bekerja atau premis yang digunakan bagi penyimpanan loji atau bahan.

Amalan *Work From Home* (WFH) adalah tertakluk di bawah AKKP. Aktiviti kerja yang kebiasaannya dilakukan di pejabat telah dilakukan di rumah. Oleh itu, majikan mempunyai kewajipan setakat yang boleh dipraktikkan untuk

memastikan kerja yang dilakukan di rumah tidak menimbulkan isu KKP kepada pekerja.

5. Adakah pemakaian AKKP (Pindaan) 2022 ini terpakai pada atlet sukan seperti pemain bola sepak dan juga bidang perfileman?

Aktiviti yang dilakukan seperti pemain bola sepak dan pelakon adalah juga merupakan aktiviti pekerjaan. Jika wujud hubungan dua pihak sama ada *contract of service* atau *contract for service*, maka wujud kewajipan pihak-pihak tersebut untuk mematuhi peruntukan Akta ini.

6. Bagi pemakaian Akta 514, bagaimana pula kontraktor tempatan yang bekerja dalam kawasan kedutaan asing?

Kawasan kedutaan asing tidak dikira sebagai negara Malaysia, oleh itu Akta ini adalah tidak terpakai.

Rujukan: Public International Law [Book].Article 22(3) – Vienna Convention on Diplomatic Relation 1961.

“The premises of the mission their furnishings and other property thereon and the means of transport of the mission shall be immune from search, requisition, attachment or execution”.

7. Apakah status pemakaian AKKP (Pindaan) 2022 di Istana?

Pemakaian AKKP (Pindaan) 2020 adalah kepada semua tempat kerja dan ruang lingkup tempat kerja dijelaskan dalam tafsiran “tempat kerja” dan “premis”.

“tempat kerja” ertinya premis tempat orang bekerja atau premis yang digunakan bagi penyimpanan loji atau bahan.

“premis” termasuklah—

- (a) mana-mana tanah, bangunan atau bahagian mana-mana bangunan;
- (b) mana-mana kenderaan, vesel atau pesawat udara;
- (c) apa-apa pemasangan di atas tanah, pemasangan luar pesisir atau pemasangan lain sama ada di atas dasar atau yang terapung di atas

mana- mana air; dan
(d) mana-mana khemah atau struktur boleh alih;

Berdasarkan tafsiran di atas, istana juga adalah tempat kerja di mana terdapat orang bekerja seperti tukang masak, pengurusan istana, orang yang membaik pulih istana dan sebagainya. Pekerja ini mempunyai majikan masing-masing yang tertakluk terhadap kewajipan di bawah AKKP.

Bahagian II: Pelantikan Pegawai, Badan Pemeriksaan Bebas Dan Orang Berlesen.

8. Di dalam AKKP (Pindaan) 2022 terdapat suatu peruntukan berkaitan Orang Berlesen. Siapakah Orang Berlesen dan apakah kesan kepada industri sekiranya pelantikan Orang Berlesen ini dilaksanakan?

Orang Berlesen merupakan orang yang telah memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan dan diberikan lesen oleh Menteri di bawah Seksyen 7A, untuk menjalankan pemeriksaan apa-apa loji yang ditetapkan oleh Menteri dan mengeluarkan perakuan kelayakan berkenaan dengan loji yang diperiksa.

Bahagian III: Majlis Negara Bagi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan.

9. Apa rasional penambahan anggota Majlis?

Penambahan anggota Majlis adalah selari dengan dengan kompleksiti industri dan teknologi yang berkembang di Malaysia. Perkembangan dunia pekerjaan mengundang pelbagai risiko yang perlu ditangani secara holistic. Keperluan ahli yang dapat mewakili pelbagai bidang ini dapat membantu Kerajaan menerokai bidang KKP yang lebih luas demi untuk menjaga kemaslahatan majikan dan pekerja dalam bidang-bidang tersebut.

Bahagian IV: Kewajipan Am Majikan, Orang Yang Bekerja Sendiri Dan Prinsipal.

10. Adakah seseorang yang bekerja sendiri dianggap sebagai majikan dan oleh itu ia wajib membentuk Dasar Keselamatan dan Kesihatannya sendiri?

Orang yang bekerja sendiri dan majikan mempunyai tafsiran tersendiri yang berbeza. Di dalam AKKP (Pindaan) 2022, orang yang bekerja sendiri tidak dikehendaki membentuk Dasar Keselamatan dan Kesihatan.

11. Mengapakah elemen Prinsipal dimasukkan dalam AKKP (Pindaan) 2022? Apakah impaknya terhadap industri dalam Akta ini?

Dalam Akta sedia ada, tanggungjawab untuk memastikan keselamatan dan kesihatan diletakkan ke atas *duty holder* iaitu “majikan”, “penghuni”, “orang bekerja sendiri”, “pereka bentuk”, “perumus”, “pengilang”, “pengimport” atau “pembekal”.

Dalam landskap perniagaan masa kini, terdapat orang yang tidak memenuhi tafsiran *duty holder* di atas. Oleh itu, “prinsipal” diperkenal untuk mewujudkan tanggungjawab kepada orang yang mula-mula memberikan kerja kepada orang lain melalui suatu kontrak (selain daripada kontrak perkhidmatan).

12. Apakah rasional tanggungjawab majikan di bawah Seksyen 15(2)(f) dan prinsipal di bawah seksyen 18A(3)(f) untuk membangunkan dan melaksanakan tata cara berurusan dengan kecemasan di tempat kerja?

Dalam merancang langkah-langkah yang perlu untuk memastikan keselamatan dan kesihatan orang yang sedang bekerja, majikan atau prinsipal hendaklah mengambil kira langkah-langkah mitigasi apabila berurusan dengan kecemasan di tempat kerja.

Plan tindakan kecemasan ini pada umumnya mengandungi jenis-jenis kecemasan yang mungkin berlaku, tatacara, organisasi, perkakasan yang diperlukan dalam menangani situasi kecemasan dan latihan kecemasa perlu dijalankan bagi menguji kesediaan sumber apabila menghadapi keadaan kecemasan sebenar.

Bahagian V: Kewajipan Am Pereka bentuk, Pengilang Dan Pembekal.

13. Berapa lama seseorang pembuat sesuatu loji atau bahan diberi masa untuk mereka maklumkan berkenaan penemuan risiko serius yang baru ditemui berkaitan jentera/mesin/chemical supaya diberitahu kepada pembeli-pembelinya? Tempoh masa untuk, pembuat memaklumkan sebarang penemuan risiko serius yang baharu hendaklah disandarkan kepada tafsiran "setakat yang boleh dipraktikkan" mengikut Akta ini.

Bahagian VI: Kewajipan Am Dan Hak Pekerja.

14. Merujuk kepada Seksyen 26A, dalam keadaan bagaimanakah pekerja berhak mengeluarkan dirinya daripada tempat kerja yang terdapat bahaya hampir pasti? S26A (1) ini memberi syarat kepada hak pekerja ini selepas dia memastikan dua keadaan, iaitu:
- i. mempunyai justifikasi yang munasabah untuk mempercayai terdapat suatu bahaya hampir pasti berlaku di tempat kerjanya; dan
 - ii. memberitahu majikannya atau wakilnya terhadap justifikasi yang munasabah (dalam perkara 1.)

Pekerja hanya boleh mengeluarkan dirinya daripada tempat kerja sekiranya majikan tidak mengambil apa-apa tindakan untuk menghapuskan bahaya tersebut. Bagi maksud seksyen ini, "bahaya hampir pasti berlaku" ertinya suatu risiko kematian yang serius atau kecederaan badan yang serius kepada mana-mana orang yang disebabkan oleh mana-mana loji, bahan, keadaan, aktiviti, proses, amalan, tatacara atau bahaya tempat kerja.

Bahagian VIA:

Pemberitahuan Menduduki Tempat Kerja, Pemasangan Dan Pemeriksaan Loji, dsb.

15. Di dalam AKKP (Pindaan) 2020, apakah tanggungjawab berkaitan keselamatan terhadap jentera berperakuan kelayakan?

Bahagian VIA merupakan bahagian baharu yang diwujudkan untuk memperincikan peruntukan berkaitan keselamatan jentera berperakuan kelayakan termasuklah skim pemeriksaan khas.

Peruntukan utama yang diadakan adalah kebenaran memasang, keperluan mendapatkan perakuan kelayakan dan juga pemeriksaan jentera. Suatu perundangan subsidiari khusus berkaitan jentera berperakuan dan skim pemeriksaan khas akan digubal bagi menjelaskan tanggungjawab yang diperlukan bagi memenuhi kehendak Bahagian ini.

Bahagian VII: Organisasi Keselamatan Dan Kesihatan

16. Adakah pihak Prinsipal perlu melantik seorang Pegawai Keselamatan dan Kesihatan?

Jika “prinsipal” yang dimaksudkan adalah “penghuni” bagi suatu tempat kerja, dan tempat kerja tersebut termasuk di dalam Perintah Pegawai Keselamatan dan Kesihatan yang dikeluarkan maka dia hendaklah melantik seorang Pegawai Keselamatan dan Kesihatan.

17. Siapakah yang layak dilantik sebagai OSH-C?

Majikan boleh melantik mana-mana orang dikalangan pekerjaannya untuk bertindak sebagai OSH-C. Secara umumnya pekerja yang hendak dilantik sebagai OSH-C hendaklah berupaya membantu majikan dalam mematuhi peruntukan perundangan. Bagi melengkapkan pengetahuan berkenaan KKP, OSH-C ini dikehendaki menjalani latihan yang ditetapkan.

18. Apakah tugas OSH-C yang dilantik sebagai penyelarass isu Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP) di tempat kerja?

Bagi maksud menyelarass isu KKP di tempat kerja dalam S.29A(2), OSH-C boleh membantu majikan dalam perkara yang berikut:

- (a) menjalankan pemeriksaan berkaitan KKP di tempat kerja;
- (b) menyelarass pelaksanaan langkah-langkah kawalan bagi kepentingan KKP yang ditetapkan oleh majikan;
- (c) melapor kemalangan, kejadian berbahaya, keracunan pekerjaan/penyakit pekerjaan yang berlaku di tempat kerja kepada pihak JKPP melalui JKPP 6, JKPP 7 & JKPP 8;
- (d) hadir bersama ketika pegawai JKPP menjalankan penguatkuasaan di bawah Akta ini.

19. Apakah jenis tempat kerja yang perlu melantik OSH-C?

Semua tempat kerja yang tidak termasuk dalam mana-mana kelas atau jenis tempat kerja yang disiarkan dalam Warta di bawah subseksyen 29(1) dan mempunyai 5 orang atau lebih pekerja di tempat kerja perlu melantik OSH-C. Jika majikan tersebut telah melantik seorang pegawai keselamatan dan kesihatan, majikan itu tidak perlu lagi melantik OSH-C.